

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2020-2024



**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

[www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

**Hak Cipta Terpelihara**  
**@ Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2019**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

**Diterbitkan Oleh:**

**Cawangan Integriti**

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,  
62596 Putrajaya, Malaysia

No. Tel: 603-8882 2100/2300  
Email: [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)  
Laman Web: [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

**Dicetak Oleh:**

**LN Creative**

PT 7404 & 7405 (GF),  
Jalan BBN 1/2J, Putra Nilai, 71800 Nilai.  
Negeri Sembilan.  
No. Tel: 606-8569 696  
Email: [lncreative.info@gmail.com](mailto:lncreative.info@gmail.com)

“

**Jabatan memerlukan sokongan dan komitmen penuh semua pihak untuk menghentikan sebarang bentuk rasuah dalam JKDM**

”

Dato' Seri Paddy Bin Abd Halim  
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

# PERNYATAAN KOMITMEN



Pelan Antirasuah Organisasi / *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan dokumen antirasuah utama yang memaparkan kesungguhan dan komitmen seluruh warga JKDM untuk menghapuskan amalan rasuah dan salahlaku integriti dalam Jabatan.

Komitmen ini bukan sahaja mendukung kepada kehendak Kerajaan sebagaimana dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) malah turut memenuhi kehendak *World Customs Organisation* (WCO) melalui *Revised Arusha Declaration* pada 2003 bagi mencegah rasuah dan meningkatkan integriti organisasi kastam. Pengurusan Tertinggi JKDM amat menyedari bahawa tindakan drastik perlu diambil bagi menangani masalah rasuah yang wujud dalam Jabatan. Oleh itu, OACP ini segera dibangunkan sebagai bukti komitmen dan rujukan kepada seluruh warga Jabatan dalam menangani gejala rasuah yang kian mencalarakan imej JKDM.

Dalam membangunkan OACP, saya telah mengambil kira aspirasi negara serta visi NACP untuk menjadikan Malaysia negara bebas rasuah. Hala tuju yang sama juga telah diterjemahkan dalam OACP ini, dengan harapan sebagai agensi barisan hadapan yang membawa panji negara di persempadanan dan pintu masuk negara, imej JKDM sebagai agensi bebas rasuah dapat direalisasikan sekali gus menyuburkan persepsi positif masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia.

Penghasilan OACP ini telah mendapat sokongan penuh daripada pelbagai pihak yang menyumbang input bagi penilaian risiko, antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Biro Pengaduan Awam dan juga Jabatan Audit Negara. Justeru itu, saya

yakin setiap intipati OACP telah pun mengambil kira senario dan punca permasalahan rasuah di JKDM daripada dalaman mahupun luaran.



Bagi memastikan kejayaan dan kelestarian OACP ini, saya telah menetapkan perancangan yang seiring dengan keperluan dan kehendak masa akan datang seperti keperluan teknologi terkini, kesesuaian dengan undang-undang dan dasar Kerajaan serta cabaran-cabaran yang telah digariskan dalam perancangan senario NACP. Melalui kerjasama dalaman serta pemegang taruh luaran, saya bertekad agar setiap pelaku rasuah harus dikenakan hukuman setimpal berlandaskan undang-undang pencegahan rasuah yang berkuatkuasa. JKDM juga yakin boleh mewujudkan suatu era baharu yang adil dalam sistem percukaian negara berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Bermula dengan usaha ini, saya percaya masyarakat akan memberi penghormatan tinggi kepada setiap sumbangan JKDM khususnya dalam kutipan hasil negara di samping meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap JKDM. Harapan yang diletakkan ini adalah tinggi dan Jabatan memerlukan sokongan dan komitmen penuh semua pihak untuk menghentikan sebarang bentuk rasuah dalam JKDM.

Dato' Seri Paddy bin Abd Halim  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**



# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi JKDM (OACP) ini telah dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Ia merupakan dokumen penting yang menjadi panduan untuk menangani masalah rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salahlaku dalam Jabatan.

## Nilai dan Budaya

Keberkesanan OACP bergantung penuh kepada komitmen seluruh warga JKDM. Justeru itu, OACP ini turut memberi tumpuan kepada pengamalan nilai tinggi oleh warga JKDM melalui pembudayaan nilai i-SPEED iaitu *Integrity, Speed, Professional, Efficient, Effective* dan *Dynamic* yang akan mendukung kepada kejayaan pelaksanaan usaha pencegahan rasuah di JKDM pada masa hadapan.

## Halatuju

Visinya adalah untuk menjadikan JKDM bebas rasuah melalui penetapan tiga matlamat khusus iaitu Mengurangkan Ketirisan Hasil Percukaian, Meningkatkan Kesedaran Pegawai Untuk Melapor Kesalahan Rasuah, dan Mengurangkan Salahlaku Integriti di Kalangan Warga JKDM.

## **Strategi dan Pelan Tindakan**

Terdapat empat bidang utama berisiko kepada rasuah yang perlu diberi penekanan iaitu perkastaman, penguatkuasaan, pengurusan dan pentadbiran, dan percukaian dalam negeri. Bagi menanganinya secara holistik, dokumen ini menggariskan sebanyak empat strategi utama yang memayungi 8 objektif strategik serta 60 pelan tindakan secara keseluruhan. Setiap strategi dan pelan tindakan yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemeraksanaan pencegahan rasuah sama ada melalui perubahan dasar, penambahbaikan sistem dan teknologi, pengukuhan struktur dan pemantauan mahu pun pemantapan modal insan.

## **Keperluan Pemantauan Berstruktur**

Pemantauan dan Penilaian / *Monitoring and Evaluation* (M & E) secara berjadual bukan sahaja penting untuk memantau prestasi pelaksanaan OACP oleh semua pemegang taruh malah juga bertujuan untuk menilai keberkesanannya dari semasa ke semasa agar selari dengan matlamat yang telah ditetapkan. Oleh itu satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP JKDM ditubuhkan bagi memantau prestasinya sehingga tahun 2024.

Bersandarkan OACP yang telah dirangka, JKDM diharapkan dapat memperkemaskan usaha pencegahan rasuah sedia ada, agar lebih tegas dan komited dalam menangani masalah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dalam Jabatan. OACP ini akan menjadi panduan terbaik kepada Jabatan untuk melonjakkan imej JKDM sebagai sebuah agensi berintegriti tinggi dan bebas rasuah.





# KANDUNGAN

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

	9
Latarbelakang	10
Fungsi dan Peranan JKDM	13
Nilai JKDM – I-SPEED	14
Visi, Misi & Matlamat Pelan Antirasuah Organisasi	16

# **BAB 2**

## **ISU DAN CABARAN**

	17
Senario Rasuah dan Salahlaku Integriti di JKDM	18
Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko	22
Bidang – Bidang Berisiko	25

# **BAB 3**

## **MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH KEBANGSAAN**

	27
Keperluan Kepada OACP	28
Kerangka OACP	30
Mengenai Kerangka OACP	32
Analisa ke Atas Maklumat Rasuah	36
Analisis Kuadran	37
Keutamaan Strategi	38
Strategi 1-4	41

# **BAB 4**

## **TADBIR URUS**

	61
Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan	62
Mekanisme Penilaian	63

# **BAB 5**

## **KESIMPULAN**

	65
Kesimpulan	66
Penghargaan	68

A close-up portrait of Tun Dr Mahathir Bin Mohamad, the former Prime Minister of Malaysia. He is wearing a dark pinstriped suit jacket, a white shirt, and a blue patterned tie. He has grey hair and is wearing glasses. He is looking slightly to the right with a thoughtful expression, resting his chin on his right hand. The background is dark. There are red and yellow geometric shapes in the top right and bottom left corners of the image.

“

**Pelan Antirasuah disediakan melalui satu proses yang mengambil kira aspirasi dan harapan rakyat Malaysia dalam perjalanan memerangi rasuah**

”

Tun Dr Mahathir Bin Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia

The background is a solid red color with a pattern of interlocking gears of various sizes and orientations, creating a mechanical or industrial aesthetic. The gears are rendered in a slightly darker shade of red, giving them a subtle 3D effect.

# **BAB1 PENGENALAN**



## LATARBELAKANG

Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan pelaksanaan tugas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) khususnya dalam konteks percukaian dan kawalan sempadan, Pengurusan Tertinggi JKDM amat serius untuk menangani isu pelanggaran integriti, rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan yang melibatkan anggotanya. Tidak dinafikan, tindakan pengukuhan integriti dan pencegahan rasuah secara berstruktur telah pun bermula sejak tahun 2005 melalui pelaksanaan beberapa Pelan Integriti Jabatan (PIJ) sehingga 2019 bagi mendukung Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada 23 April 2004. Walau bagaimanapun, usaha ini

masih kurang berkesan, malah persepsi negatif terhadap JKDM mengenai rasuah dan ketirisan hasil negara masih menular.

Langkah yang serupa juga telah dipatuhi oleh Jabatan semasa Kerajaan menggerakkan Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) pada tahun 2010 dan Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) pada tahun 2012 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mengenai antirasuah. Antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan termasuklah penubuhan Unit Integriti JKDM sebagaimana digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, pelaksanaan *job rotation*, inisiatif perlindungan pemberi maklumat dan *Integrity Pact* dalam perolehan.

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Selain daripada itu, sebagai agensi pelaksana JKDM juga akur dengan keperluan negara untuk mematuhi kehendak Artikel 5, *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) yang menggariskan supaya negara-negara anggotanya membangunkan dan melaksanakan polisi antirasuah bagi mengangkat nilai ketelusan, integriti, kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang baik dalam pentadbiran kerajaan. Sebagai salah sebuah agensi yang menguatkuasakan undang-undang percukaian tidak langsung dalam negara, JKDM turut terikat kepada kehendak *World Customs Organization* (WCO) selaku badan kawal selia dan pemantau operasi kastam dunia berhubung pengukuhan integriti serta pembanterasannya amalan rasuah dalam JKDM.

Keperluan dan kehendak WCO ini telah diterjemahkan secara kolektif oleh negara-negara dunia melalui *Revised Arusha Declaration* pada 2003 bagi mencegah rasuah dan meningkatkan integriti organisasi kastam. Sebagai panduan kepada agensi kastam sedunia, WCO telah memperkenalkan pelbagai garis panduan seperti *Integrity Development Guide*, *Guide To Corruption Risk Mapping* dan *Guide to Prevent Procurement Corruption in Customs* sebagai salah satu alat untuk menyokong usaha pembanterasannya rasuah di kalangan negara anggota. Sebagaimana telah disyorkan, JKDM telah pun mengambil tindakan antaranya meningkatkan ketelusan percukaian melalui penggunaan sistem seperti



Sistem Maklumat Kastam (SMK) dan penggunaan mesin pengimbas di pintu masuk negara.

Selepas perubahan kepimpinan Malaysia pasca pilihanraya umum yang lalu, kerajaan kembali tekad memperkasakan agenda antirasuah nasional dengan aspirasi mahu dikenali sebagai negara berintegriti dan bukan kerana rasuah. Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan - NACP*) 2019-2023 telah dibentuk menggantikan Pelan Integriti Nasional yang mendukung aspirasi Malaysia Baharu iaitu menjunjung tinggi prinsip keadilan, tadbir urus yang baik serta kedaulatan undang-undang.

Seiring dengan pelaksanaan NACP, JKDM telah menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020 – 2024 yang mendukung tiga bidang keutamaan daripada enam bidang yang digariskan dalam NACP iaitu Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam dan Penguatkuasaan Undang-Undang. Pengenalan OACP ini bermatlamat untuk mengekang risiko rasuah dalam Jabatan ke tahap paling minima sekali gus memartabatkan imej Jabatan ke tahap tertinggi sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang bebas daripada amalan rasuah.



Surah Al Anfal : 27

(Wahai orang - orang beriman janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan RasulNya dan janganlah kamu mengkhianati amanah- amanah kamu sedang kami mengetahui salahnya)





## FUNGSI DAN PERANAN JKDM

Peranan utama JKDM dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara, memelihara keselamatan negara dan memperkasa kesejahteraan rakyat adalah sebagaimana fungsi-fungsi seperti berikut:-

- 1. Memungut hasil negara dalam bentuk cukai dan duti kastam** yang terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, levi keuntungan luar biasa, levi pelepasan, levi kenderaan, hasil bukan cukai, hasil negeri / wang amanah dan cukai pelancongan.
- 2. Memberi fasilitasi kepada sektor perdagangan dan perindustrian** dalam pemberian kemudahan dalam bentuk pelbagai insentif dan fasilitasi kepada sektor perdagangan dan perindustrian yang bertujuan untuk menjana ekonomi negara selaras dengan perubahan dasar Kerajaan yang lebih mengutamakan sektor perindustrian.
- 3. Memastikan pematuhan perundangan oleh JKDM** yang diberi kuasa untuk melaksanakan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Akta Eksais 1976, Akta Zon Bebas 1990 serta perundangan subsidiari berkaitan dengan akta-akta tersebut.

Adalah menjadi tanggungjawab utama JKDM untuk memastikan semua perundangan yang dikuatkuasakan dipatuhi sepenuhnya oleh semua warga jabatan, pelanggan-pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan.



# NILAI BERSAMA

i-SPEED adalah akronim kepada enam elemen utama dalam dasar pengurusan JKDM bagi memastikan pencapaian visi dan misi yang terdiri daripada nilai-nilai *Integrity*, *Speed*, *Professional*, *Efficient*, *Effective* dan *Dynamic*.

## **INTEGRITI (*INTEGRITY*)**

Integriti bermaksud kejujuran, ketelusan dan kesempurnaan. Integriti ialah teras kepada elemen *Speed*, *Professional*, *Efficient*, *Effective* dan *Dynamic*. Pengurusan JKDM pada setiap masa memastikan perkhidmatan Kastam dihasilkan secara berintegriti, amanah, jujur, bertingkahtaku mulia, boleh dipercayai serta memelihara kepentingan awam dan bukannya untuk kepentingan diri sendiri.

## **PANTAS (*SPEED*)**

Pantas bermaksud tangkas, cepat, laju, lekas, cergas atau segera. Pengurusan JKDM mengutamakan perkhidmatan Kastam disampaikan secara pantas dan lebih cepat daripada masa yang dijadualkan kerana masa adalah berharga kepada JKDM, pelanggan dan pemegang taruh. Semakin pantas warga Jabatan menyempurnakan tugas maka semakin efisien perkhidmatan Kastam.

### **PROFESIONAL (*PROFESSIONAL*)**

Profesional bermaksud mempunyai kemampuan atau kemahiran khusus untuk melaksanakan tugas tertentu. Pengurusan JKDM mementingkan *output* perkhidmatan yang dihasilkan oleh warga Jabatan yang berkemahiran, berpengetahuan dan berkeupayaan dalam tugas yang dilakukannya melalui pematuhan undang-undang, peraturan, perintah, pekeliling dan undang-undang yang berkaitan. Sikap profesional memberikan kepuasan kepada pelanggan, pemegang taruh, rakyat dan komuniti antarabangsa.

### **CEKAP (*EFFICIENT*)**

Cekap bermaksud mahir, berwibawa, terampil atau pandai dalam melaksanakan tugas dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Pengurusan JKDM mengutamakan *output* perkhidmatan Kastam dihasilkan melalui pengendalian sumber secara bijaksana serta dapat mencapai sesuatu tujuan.

### **BERKESAN (*EFFECTIVE*)**

Berkesan bermaksud menimbulkan hasil seperti yang diharapkan. Pengurusan JKDM memastikan *output* perkhidmatan Kastam berupaya memberikan kesan kebaikan dan impak berfaedah kepada semua pihak dalam JKDM, pelanggan, pemegang taruh serta rakyat dan komuniti antarabangsa.

### **DINAMIK (*DYNAMIC*)**

Dinamik bermaksud bersifat cergas, bertenaga dan mampu membuat penyesuaian bagi menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. Pengurusan JKDM bersifat dinamik serta membolehkan pelanggan termasuk organisasi mereka maju serta mampu bersaing di peringkat global. *Output* perkhidmatan Kastam dihasilkan melalui proses kerja yang ditambah baik secara berterusan selaras dengan keperluan semasa semua pihak.

# VISI DAN MISI PELAN ANTIRASUAH (OACP) JKDM 2020 -2024

## VISI

Ke Arah JKDM Bebas Rasuah Menjelang 2024

## MISI

Memantapkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti Jabatan dalam perkhidmatan percukaian


Memperkukuhkan moral dan integriti warga JKDM

Menegakkan undang – undang pencegahan rasuah

## MATLAMAT

Bagi mencapai visi dan misi seperti yang dinyatakan dalam OACP, Jabatan telah mengenal pasti tiga matlamat berikut:

1. Mengurangkan ketirisan hasil percukaian;
2. Meningkatkan kesedaran pegawai untuk melaporkan kesalahan rasuah; dan
3. Mengurangkan salahlaku integriti di kalangan warga JKDM.



# **BAB 2 ISU DAN CABARAN**



# ISU & CABARAN

## SENARIO RASUAH DAN SALAHLAKU INTEGRITI DI JKDM

Berdasarkan trend aduan rasuah terhadap JKDM yang diterima oleh SPRM bagi tempoh lima tahun yang lalu (2013-2018), sektor Perkastaman dikenal pasti sebagai sektor yang paling berisiko sehingga menyumbang kepada 60% aduan. Kecenderungan berlaku rasuah seterusnya disusuli oleh sektor Penguatkuasaan (26%), Pengurusan dan Pentadbiran (7%) serta Percukaian Dalam Negeri (2%). Hasil analisa juga menunjukkan kebanyakan permasalahan berlaku di pintu masuk sempadan melalui mod udara, laut dan darat (sempadan, pelabuhan, lapangan terbang, jeti dan zon bebas cukai) yang mana kesemuanya menyumbang kepada 54.8% aduan. Antara kegiatan yang paling tinggi dilaporkan adalah penyeludupan

rokok dan minuman keras disusuli oleh pelepasan barangan dagangan tanpa membayar cukai yang sepatutnya di pelabuhan dan lapangan terbang.

Analisa terhadap lima tahun tohmahan rasuah yang diterima oleh SPRM terhadap JKDM sejak 2013 hingga 2018 juga mendapati hampir 79% daripada aduan yang diterima adalah melibatkan perlakuan pegawai JKDM yang menerima dan meminta rasuah. Situasi ini didorong oleh kurangnya pemantauan dan ketelusan dalam melaksanakan tugas serta tawaran suapan yang tinggi oleh pihak pemberi bagi membolehkan barangan dagangan diberi pelepasan atau diberi pengecualian cukai terutamanya di pintu-pintu masuk utama negara.

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Dari sudut salahlaku disiplin pula, statistik aduan yang diterima oleh Unit Integriti JKDM menunjukkan kebanyakan permasalahan disiplin warganya adalah melibatkan kesalahan-kesalahan

seperti ketidakhadiran bertugas, keberhutangan kewangan yang serius, penyalahgunaan dadah dan lain-lain kesalahan melibatkan jenayah.

### **KEADAAN INI BANYAK DIPENGARUHI OLEH BEBERAPA FAKTOR UTAMA DI PERINGKAT DALAMAN DAN LUARAN JKDM IAITU:**

#### **Kelemahan penghayatan dan pengamalan etika dalam kalangan warga mengakibatkan terdedah kepada amalan penyelewengan dan salahguna kuasa**

Etika Perkhidmatan Jabatan iaitu Amanah, Berkhidmat, Ikhlas dan Dedikasi (ABID) sudah tidak lagi dijadikan panduan dan pedoman berguna kepada warga semasa mereka menjalankan tanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan terbaik kepada pelanggan-pelanggan jabatan. Oleh itu, warga Jabatan tidak memiliki benteng pertahanan ampuh yang boleh melindungi mereka daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi perundangan dan peraturan Jabatan.

#### **Kelemahan kawalan dalaman**

Keampuan sistem kawalan dalaman Jabatan sangat penting bagi memastikan setiap warganya dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan penuh berintegriti. Tindakan punitif terhadap pegawai yang melanggar undang-undang dan integriti juga perlu dilaksanakan segera dan menyeluruh bagi memberi kesedaran kepada warga yang lain. Namun, hasrat ini sukar untuk direalisasikan kerana jumlah pegawai di Unit Integriti yang mengendalikan fungsi pematuhan, pengesanan dan pengesahan terhadap salahlaku pegawai sangat kecil berbanding keseluruhan anggota JKDM. Selain itu wujud kelemahan dan kekurangan dari segi teknologi bagi memantau aktiviti pegawai seperti penggunaan CCTV di semua stesen JKDM seluruh negara.

### **Tahap pematuhan undang-undang dan prosedur yang rendah dalam kalangan warga Jabatan**

Perundangan dan prosedur digubal oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan supaya ia menjadi sumber rujukan paling utama dalam memberikan perkhidmatan seperti diharapkan pelanggan dalam dan luaran serta pemegang taruh Jabatan. Namun, warga tidak mahu merujuk kepada undang-undang dan prosedur tentang sesuatu proses kerja dan mereka lebih cenderung untuk mentafsir sendiri berdasarkan amalan yang akhirnya memberi impak tidak baik kepada kutipan hasil Jabatan khususnya dan ekonomi Negara amnya.

### **Kesukaran mengesan perlakuan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan warga Jabatan**

Perlakuan pemberian dan penerimaan rasuah dalam kalangan warga jabatan telah berubah seiring dengan kepesatan dan kecanggihan teknologi dan sistem yang terdapat masa kini. Penggunaan teknologi dan sistem ini didapati amat berkesan dalam mengaburi mata pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan untuk mengesan, mencegah sekali gus mengenakan tindakan tegas (punitif) kepada warga yang terbabit melainkan (Warga Jabatan) menyuburkan sifat dan budaya (cintakan jabatan) iaitu membenci rasuah.

### **Keperluan memantap sistem penyampaian perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan dalaman dan luaran serta pemegang taruh**

Jabatan didapati sukar untuk menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi jangka harap pelanggan dalaman dan luaran serta pemegang taruh kerana warga kurang berkemahiran, berpengetahuan, berkeupayaan dan mematuhi perundangan serta peraturan. Justeru, Pengurusan Tertinggi Jabatan perlu mengorak langkah ke depan bagi mengenal pasti dan mengemukakan idea-idea bernas dan bersesuaian yang dapat dipraktikkan oleh seluruh warga demi memantapkan budaya kerja (profesional dalam Jabatan).

### **Kekurangan teknologi dan kelemahan perkongsian maklumat dalam pelaksanaan tugas-tugas kastam**

Penggunaan teknologi terkini dan keberkesanan perkongsian maklumat memainkan peranan amat penting kepada Jabatan agar penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dengan berkualiti kepada pelanggan dan pemegang taruh. Antara kelengkapan Alat Bantuan Operasi (ABO) yang

sangat diperlukan oleh JKDM adalah seperti *drone*, *Radio Frequency Identification Device* (RFID), mesin pengimbas berteknologi *Artificial Intelligence* (AI), sistem pemintasan perhubungan (*interceptor system*) dan integrasi Sistem Maklumat Kastam (SMK) dengan *scanner*. Walau bagaimanapun, jabatan tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan tersebut kerana dihipit oleh hambatan kewangan meskipun dipercayai ia boleh meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti Kastam dalam memungut cukai dengan betul dan membanteras penyeludupan sehingga ke akar umbi.

### **Keperluan pihak pelanggan atau komuniti perniagaan untuk lari daripada dikenakan cukai**

Jabatan sebagai agensi pemungut cukai utama Kerajaan menghadapi birokrasi daripada pelanggan dan komuniti perniagaan yang meletakkan keuntungan sebagai sasaran semata-mata dan menjadikan mereka kurang prihatin dan bertanggungjawab untuk membayar cukai yang kelak akan dibelanjakan oleh Kerajaan untuk tujuan membangunkan dan merencanakan ekonomi negara agar kemakmuran dinikmati ini dapat dirasakan oleh rakyat Malaysia.

### **Hubungan kerja langsung dengan pelanggan dan komuniti sepanjang masa**

Sistem kerja jabatan mengkehendaki warganya untuk berurusan secara langsung dengan para pelanggan dan komuniti perniagaan yang ingin menjelaskan cukai. Urusan yang dilakukan selama bertahun-tahun itu menjadikan perhubungan kedua-duaya semakin bertambah akrab yang mungkin boleh menjejaskan etika kerja warga sehingga sanggup menggadaikan maruah serta membelakangkan undang-undang dan peraturan demi mengecapi kehidupan serba mewah.

### **Penyalahgunaan kuasa budi bicara yang diperuntukan dalam undang-undang oleh pegawai**

Cukai yang ditaksir oleh pegawai adalah berdasarkan kepada rujukan terhadap perintah yang dikuatkuasakan oleh jabatan yang menggariskan kadar-kadar duti ke atas barang-barang. Ia telah ditetapkan begitu dan tiada mana-mana pegawai kastam boleh mempraktikkan dengan sewenang-wenangnya kuasa budi bicara bagi merendahkan amaun cukai yang perlu dijelaskan pelanggan kerana ia menyalahi peruntukan kuasa tersebut kepada mereka. Walau bagaimanapun disebabkan kelemahan sistem semak dan imbang sedia ada dan hubungan langsung dengan pelanggan menyukarkan perintah tersebut dipatuhi sepenuhnya.

## ANALISIS PERSEKITARAN & PENILAIAN RISIKO

Semasa pembangunan OACP JKDM, pelbagai data telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh Jabatan dalam tempoh 5 tahun ke hadapan. Data-data berkenaan berbentuk statistik, laporan, kajian dan maklumat daripada agensi yang berkaitan seperti berikut :

### **Syor dan Garis Panduan oleh Pertubuhan Antarabangsa**

- Syor yang dikemukakan melalui *The Revised Arusha Declaration 2003* adalah mengenai keperluan pelaksanaan 10 elemen penting dalam pengukuhan integriti dan tadbir urus baik agensi Kastam sedunia. Elemen tersebut memberi penekanan kepada aspek kepimpinan dan komitmen, rangka kerja perundangan, ketelusan, automasi, reformasi dan permodenan, audit dan penyiasatan, kod etika, pengurusan sumber manusia, moral dan budaya organisasi serta kerjasama dengan pihak swasta.
- *Integrity Development Guide, Guide To Corruption Risk Mapping* dan *Guide to Prevent Procurement Corruption in Customs* yang dikeluarkan oleh *World Customs Organization (WCO)*

**Maklumat yang diperolehi daripada agensi-agensi utama** seperti data dan statistik aduan rasuah daripada SPRM bagi tempoh 2014 – 2018, data analisis aduan daripada Biro Pengaduan Awam (BPA) bagi tempoh 2013 – April 2019, laporan daripada Ketua Audit Negara dan statistik aduan serta siasatan daripada Unit Integriti Ibu Pejabat Kastam bagi tempoh 2017 – 2018.

**Inisiatif dan input daripada syor-syor** yang dikemukakan oleh kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (OACP) 2019 – 2023.

**Input melalui kaedah pelaksanaan Corruption Risk Management (CRM)** yang melibatkan pegawai-pegawai JKDM daripada pelbagai bidang di seluruh negara.

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

---

**Input yang diperolehi melalui sesi libat urus** langsung bersama-sama pelanggan dalaman JKDM yang terdiri daripada pengarah-pengarah bahagian dan (pegawai Jabatan).

**Hasil daripada analisis persekitaran dan penilaian risiko** yang telah dilaksanakan, JKDM telah mengenal pasti beberapa sektor yang berisiko terdedah kepada perlakuan rasuah dan salah laku integriti oleh warga JKDM. (Berdasarkan jumlah kekerapan kesalahan bagi tempoh lima tahun antara 2013-2019).


Penilaian risiko melalui kaedah CRM telah mengenal pasti, 27 isu berhubung aktiviti-aktiviti yang cenderung kepada perlakuan rasuah dan salah laku integriti, seperti kelemahan kawalan sempadan, kelemahan sistem dan kemudahan, ketirisan hasil, dan kelemahan pentadbiran. Kaedah CRM juga telah mengesyorkan langkah penyelesaian yang bersesuaian sepertimana yang telah digariskan dalam pelan ini.

Empat sektor utama yang berisiko yang perlu diberi penekanan oleh Jabatan adalah sektor Perkastaman, Penguatkuasaan, Pengurusan dan Pentadbiran serta Percukaian Dalam Negeri.



## SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH


(Aduan diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
2013 -2018)



Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)


## KUMPULAN PEGAWAI YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH

(Aduan diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
2013 - 2018)



Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

**BIDANG – BIDANG BERISIKO**



## BIDANG – BIDANG BERISIKO

### PERKASTAMAN

Perkastaman merujuk kepada pelaksanaan dasar-dasar mengenai perindustrian, fasilitasi perdagangan, import / eksport dan kawalan sempadan. Dasar-dasar yang ditadbir ini penting bagi memastikan proses kutipan cukai sebenar serta kawalan keselamatan sempadan sepenuhnya dapat dilaksanakan agar tiada pihak boleh mengambil kesempatan untuk melakukan penipuan. Ianya juga boleh dimaksimakan melalui penggunaan teknologi terkini seperti Kecerdasan Buatan (*Artificial Inteligence - AI*) dan Rantai Blok serta Teknologi Lejar Teragih (*Blockchain & Distributed Ledger Tehnologies* atau DLT) serta *working tools* seperti sistem maklumat berpusat dan mesin pengimbas yang terintegrasi bagi mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam Perkastaman.

### PENGUATKUASAAN


Penguatkuasaan merupakan aktiviti untuk membanteras segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan berpandukan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Ia penting bagi memastikan hasil negara serta kesejahteraan rakyat sentiasa dipelihara dan dilindungi tanpa mengganggu transaksi perdagangan yang sah. Kebanyakan bidang penguatkuasaan sering dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa, campur tangan oleh pihak Eksekutif, kurangnya kebebasan dan integriti yang akhirnya mendedahkan mereka kepada rasuah. Maka, penguatkuasaan undang-undang harus diperkasakan agar lebih bebas dan telus bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang.

### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Pengurusan dan pentadbiran merujuk kepada aktiviti pengurusan sumber manusia, perolehan, kewangan dan modal insan anggotanya berpandukan kepada sistem peraturan, amalan dan proses kerja yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui dasar dan undang-undang yang berkuatkuasa. Oleh kerana Jabatan ini terlibat secara langsung dengan pengurusan sejumlah besar wang negara, maka ia perlu diuruskan dengan efisien supaya tidak terdedah kepada rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan demi melindungi kepentingan awam.

### PERCUKAIAN DALAM NEGERI

Percukai Dalam Negeri adalah suatu kebertanggungjawaban Jabatan bagi melaksanakan dasar dan undang-undang berkaitan dengan aktiviti pungutan cukai dalam negeri seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Tanpa kawalan dan pemantauan yang berkesan, Jabatan tidak mungkin dapat memenuhi hasrat Kerajaan untuk memungut hasil seperti yang disasarkan kerana ia berisiko kepada manipulasi oleh komuniti perdagangan sekali gus meniriskan hasil negara.

The background of the slide features a dark blue color with a faint, light blue graphic of several stylized human figures holding hands in a circle, symbolizing unity and teamwork.

**BAB 3  
MEMPERKASAKAN  
USAHA  
PENCEGAHAN  
RASUAH JKDM**



# KEPERLUAN KERANGKA OACP

JKDM mengakui betapa perlunya menangani masalah rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan salahlaku integriti dalam Jabatan. Kelekaan dan kecuaiian untuk menangani masalah rasuah dan integriti di dalam jabatan bukan sahaja boleh menjejaskan imej organisasi malah boleh menyebabkan hasil dan kedaulatan negara tergadai ke tangan pihak yang tidak sewajarnya.

Melangkah ke hadapan, Pengurusan Tertinggi JKDM telah menetapkan perancangan yang jauh lebih fokus dan berstruktur untuk memastikan visi “Ke Arah JKDM Bebas Rasuah” dapat direalisasikan seiring dengan aspirasi Negara supaya “ Malaysia dikenali kerana integriti bukannya rasuah”.

Bagi mencapai matlamat tersebut, JKDM telah menetapkan empat strategi utama bagi menangani risiko rasuah dan salah laku integriti di JKDM khususnya dalam sektor yang berisiko tinggi seperti sektor Perkastaman, Penguatkuasaan, Pengurusan dan Pentadbiran serta Percukaian Dalam Negeri.

Strategi ini akan juga didukung oleh tiga langkah penting iaitu melalui pengukuhan integriti warga, memperkemas tadbir urus sedia ada dan pemerkasaan usaha pencegahan rasuah di JKDM sejajar dengan kehendak NACP.

Empat strategi tersebut adalah:-



Melalui langkah yang telah ditetapkan ini, JKDM berharap agar ia dapat meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti JKDM sekaligus melonjakkan imej Jabatan di persada nasional dan antarabangsa. Hasilnya, OACP menggariskan sebuah kerangka yang memayungi strategi dengan komprehensif dalam memerangi rasuah secara menyeluruh yang merangkumi kehendak pemegang taruh, pelanggan JKDM.



# KERANGKA OACP JKDM

VISI

MISI

MATLAMAT

BIDANG  
KEUTAMAAN

STRATEGI

# KE ARAH JKDM BEBAS RASUAH MENJELANG 2024

Memantapkan  
Kecekapan, Ketelusan  
dan Akauntabiliti  
Jabatan dalam  
Perkhidmatan  
Percukaian

Memperkukuhkan  
Moral dan Integriti  
Warga JKDM

Menegakkan  
Undang-Undang  
Pencegahan  
Rasuah

Mengurangkan  
Ketirisan Hasil  
Percukaian

Mengurangkan  
Salahlaku Integriti  
di Kalangan  
Warga JKDM

Meningkatkan  
Kesedaran Pegawai  
Untuk Melaporkan  
Kesalahan Rasuah

Perkastaman

Penguatkuasaan

Pengurusan  
dan  
Pentadbiran

Percukaian  
Dalam Negeri

Memantapkan  
Kecekapan,  
Ketelusan  
dan Integriti  
Tugas-Tugas  
Perkastaman

Memperkasakan  
Integriti dan  
Keberkesanan  
Penguatkuasaan

Meningkatkan  
Kompetensi  
Pegawai dan  
Ketelusan  
Pentadbiran

Menambah  
Baik Sistem  
Kerja  
Percukaian  
dan  
Ketelusan  
Pengauditan

## MENGENAI KERANGKA

Kerangka OACP JKDM secara umumnya menggariskan tiga misi penting yang mendukung kepada halatuju ke arah JKDM bebas rasuah menjelang 2024. Misi ini secara ringkasnya menekankan kepada keperluan perkhidmatan JKDM yang cekap dan telus, pematuhan kepada undang-undang pencegahan rasuah serta pengukuhan integriti seluruh warga JKDM.

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JKDM 2020 -2024



## VISI

### KE ARAH JKDM BEBAS RASUAH MENJELANG 2024

Hasrat pembangunan OACP ini adalah untuk menerapkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, dan integriti serta tadbir urus yang baik apabila menjalankan autoriti atau kuasa. Ini akan menjadi asas dalam usaha untuk menghapuskan rasuah dan membentuk ekosistem bebas rasuah khususnya dalam JKDM. Sekiranya berjaya, JKDM akan memperoleh semula kedudukan yang sepatutnya bukan sahaja di mata pemegang taruh malah di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ke Arah JKDM Bebas Rasuah Menjelang 2024 merujuk kepada peranan warga JKDM dalam membasmi rasuah dalam konteks:

- I. Mewujudkan budaya benci rasuah dari segi keberanian untuk melapor rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta menentang perlakuan rasuah;
- II. Melaksanakan amalan – amalan terbaik bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah yang diiktiraf di peringkat nasional mahupun antarabangsa;
- III. Mewujudkan pegawai yang berintegriti dan memberi perkhidmatan yang cekap, professional, dinamik dan telus serta berakauntabiliti; dan
- IV. Memperkasakan dan meningkatkan hubungan kerjasama antara agensi – agensi di peringkat serantau dan antarabangsa bagi memperkukuhkan JKDM.

## **MISI**

### **MEMANTAPKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI JABATAN DALAM PERKHIDMATAN PERCUKAIAN**

JKDM dalam memastikan perkhidmatannya dalam sektor percukaian dapat dilaksanakan secara telus dan berkesan akan memastikan tiada penyelewengan, salahguna kuasa dan rasuah dilakukan oleh warganya serta menerapkan amalan terbaik dalam setiap proses penyampaian perkhidmatannya.

### **MENEGAKKAN UNDANG – UNDANG PENCEGAHAN RASUAH**

JKDM dalam mendaulatkan undang-undang pencegahan rasuah akan menggalakkan budaya melaporkan rasuah di kalangan warganya bagi mewujudkan suasana takut kepada kesan rasuah.

### **MEMPERKUKUHKAN MORAL DAN INTEGRITI WARGA JKDM**

JKDM akan meningkatkan usaha pemantapan nilai – nilai murni, moral dan integriti seluruh warganya bagi mencegah gejala yang boleh menjejaskan imej Jabatan serta akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warga yang melanggar peraturan dan undang-undang.

## MATLAMAT

Bagi mencapai visi dan misi seperti yang dinyatakan dalam OACP, Jabatan telah mengenal pasti 3 matlamat berikut:



## ANALISA KE ATAS PUNCA RASUAH DAN SALAHLAKU INTEGRITI DI JKDM


Berdasarkan analisis terhadap punca rasuah yang dikenal pasti melalui pelaksanaan *Corruption Risk Management* (CRM) serta sesi libat urus bersama pemegang taruh, didapati sebanyak 5 punca utama yang menyumbang kepada perlakuan rasuah dan salahlaku integriti di JKDM. Dalam menentukan keutamaan pelan tindakan OACP, penekanan akan diberikan kepada 80% punca utama permasalahan yang dijangka dapat menangani masalah – masalah tersebut.



Sumber: *Corruption Risk Management* (CRM) JKDM 2019

## ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN

Hasil analisis kuadran yang telah dilaksanakan, sebanyak 60 pelan tindakan akan diberi keutamaan berdasarkan punca rasuah dan salahlaku integriti yang ditemui. Penentuan keutamaan ini adalah berdasarkan Prinsip Pareto 80/20 melalui analisa terhadap tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya, dimana penekanan akan dipusatkan kepada pelan tindakan yang berimpak tinggi dengan kompleksiti rendah yang mana akan memberi kesan besar kepada kecekapan dan ketelusan JKDM. Ringkasan 12 pelan tindakan berkenaan adalah seperti berikut:



### Strategi 1

Memantapkan kecekapan, ketelusan dan Integriti Tugas Perkastaman

### Strategi 2

Memperkasakan integriti dan keberkesanan Penguatkuasaan

## KEUTAMAAN STRATEGIK

Menggunakan Prinsip Pareto yang mewakili 80/20, penekanan akan diberikan kepada 20% pelan tindakan berimpak tinggi yang berkaitan dengan tiga punca utama rasuah dan salahlaku integriti di JKDM. 20% keutamaan tersebut mewakili 12 pelan tindakan daripada 60 pelan tindakan yang disenaraikan sebagaimana berikut:

BIL.	NO. KOD	PELAN
1	1	Menempatkan pegawai penaksir secara berpusat bagi penilaian secara sistem online.
2	5	Melaksanakan semula sistem demerit, senarai hitam dan
3	10	Memperkasa keanggotaan pasukan bagi kawalan berpusat <i>Control Unit</i> (CCU) dan Unit Tindakan Pematuhan (UTP)
4	11	Mengkaji dan menyemak semula arahan berkaitan nilai bon
5	14	Mengeluarkan arahan larangan menggunakan telefon bimbit
6	16	Mengintegrasikan sistem kastam dengan sistem kawalan berada dalam kompleks bebas cukai bagi mengesan
7	18	Menambah baik integrasi sistem berkaitan dengan borang dengan JKDM
8	19	Memasang dan menambah baik peralatan / teknologi utama malaysia
9	20	Memasang dan menambah baik mesin pengimbas di semua dengan UCUSTOMS dan SMK
10	24	Menambah baik sistem e-VIS: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mewujudkan <i>alert system</i> bagi kenderaan yang melebihi</li> <li>- Mengintegrasikan sistem e-VIS dengan JPJ dan PDRM</li> <li>- Integrasikan dengan RFID</li> </ul>
11	26	Mengkaji semula pemberian ganjaran di bawah Seksyen 141
12	33	Mengaplikasikan penggunaan teknologi dan peralatan yang GPS <i>tracking device</i> dan CCTV (di stor penguatkuasaan)



TINDAKAN	KUADRAN	STRATEGI
mengurangkan <i>'human intervention'</i> melalui pelaksanaan	B	Strategi 1
pembatalan lesen terhadap agen kastam dan consignee.	A	Strategi 1
melalui <i>Customs Verification Initiative (CVI), Container</i>	A	Strategi 1
terhadap kapasiti enjin (CC) kenderaan	A	Strategi 1
peribadi semasa bertugas	A	Strategi 1
rekod jualan secara elektronik di kedai-kedai yang	B	Strategi 1
penyeludupan barangan.	B	Strategi 1
manifest dagangan antara pihak berkuasa zon bebas	B	Strategi 1
keselamatan CCTV di semua pintu keluar masuk	B	Strategi 1
pintu keluar masuk utama malaysia yang diintegrasikan	B	Strategi 1
tempoh 90 hari	B	Strategi 1
Akta Kastam dan diperluaskan kepada semua pegawai	B	Strategi 2
lebih canggih seperti: <i>drone, body camera, spy camera,</i>	B	Strategi 2





# **BIDANG KEUTAMAAN: PERKASTAMAN**

# BIDANG KEUTAMAAN : PERKASTAMAN

## STRATEGI 1: MEMANTAPKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN INTEGRITI TUGAS-TUGAS PERKASTAMAN

### OBJEKTIF STRATEGIK 1 : Menambahbaik Mekanisme Pemantauan serta Semak dan Imbang dalam Tugas Perkastaman

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Menempatkan pegawai penaksir secara berpusat bagi mengurangkan ' <i>human intervention</i> ' melalui pelaksanaan penilaian secara sistem online.	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Bahagian KPSM  Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
2.	Menubuhkan unit khas bagi memantau dan menguatkuasakan kenderaan keluar masuk ke Kawasan Utama Kastam (KUK)	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
3.	Menubuhkan unit pemantauan melalui CCTV secara berpusat bersama dengan agensi-agensi lain di pintu keluar masuk utama Malaysia.	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
4.	Pelaksanaan naziran terhadap tindakan penawaran dan pembayaran kompaun di setiap negeri / stesen bagi setiap 2 kali setahun.	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
5.	Melaksanakan semula sistem demerit , senarai hitam dan pembatalan terhadap agen kastam dan <i>consignee</i> .	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
6.	Pemantauan melalui kaedah audit dalaman dan naziran secara berkala ke atas pematuhan kepada peraturan dan perintah Perkastaman sedia ada yang berisiko.	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)
7.	Mewujudkan semak dan imbang dalam pemberian kelulusan kemasukan barangan / dagangan melalui kaedah pengesahan oleh dua (2) pegawai bagi mengelakkan pemalsuan dokumen	Pengarah Bahagian Perkastaman	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)
8.	Melaksanakan pemeriksaan mengejut di premis Kedai Bebas Cukai dan Zon Bebas Cukai	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)
9.	Mewujudkan Perintah Tetap Kastam berkaitan pengoperasian mesin pengimbas kargo dan penganalisaan imej barang dagangan	Pengarah Bahagian Perkastaman	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)

**PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
10.	Memperkasa keanggotaan pasukan bagi kawalan berpusat melalui <i>Customs Verification Initiative (CVI)</i> , <i>Container Control Unit (CCU)</i> dan Unit Tindakan Pematuhan (UTP)	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)
11.	Mengkaji dan menyemak semula arahan berkaitan nilai bon terhadap kapasiti enjin (CC) kenderaan	Pengarah Bahagian Perkastaman	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)
12.	Menambahbaik Perintah Kerja Zon Tengah berhubung pemeriksaan penumpang (Perintah Kerja Zon Tengah bil. 10) dan menyeragamkan ke seluruh negara	Pengarah Bahagian Perkastaman  Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)
13.	Meminda Perintah Tetap Perjawatan Bil. 86 untuk pemeriksaan wang saku sebelum dan setelah selesai bertugas	Pengarah Bahagian Kpsm  Ketua Cawangan Integriti	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)
14.	Mengeluarkan arahan larangan menggunakan telefon bimbit peribadi semasa bertugas	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
15.	Permohonan akses kepada <i>System Advanced Passenger Information System (APIS)</i> dan <i>Name Passenger Record</i> melalui Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) bagi tujuan mengelakkan berlaku pakatan penyeludupan oleh pegawai dengan penumpang yang sama.	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)

**PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**OBJEKTIF STRATEGIK 2 : Memastikan Penggunaan Teknologi Tinggi Bagi Menangani Rasuah dan Penyelewengan**

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
16.	Mengintegrasikan sistem kastam dengan sistem kawalan rekod jualan secara elektronik di kedai-kedai yang berada dalam kompleks bebas cukai bagi mengesan penyeludupan barangan.	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
17.	Mendapatkan capaian akses kepada sistem semakan pasport daripada imigresen bagi mengesan pemalsuan penjualan barangan RMK kepada anak-anak kapal dan pelancong luar negara melalui KBC.	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
18.	Menambah baik integrasi sistem berkaitan dengan borang / manifest dagangan antara pihak berkuasa zon bebas dengan JKDM	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
19.	Memasang dan menambah baik peralatan / teknologi keselamatan CCTV di semua pintu keluar masuk utama Malaysia	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
20.	Memasang dan menambah baik mesin pengimbas di semua pintu keluar masuk utama Malaysia yang diintegrasikan dengan UCUSTOMS dan SMK	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
21.	Memasang dan menambah baik CCTV di gudang-gudang, jeti persendirian dan tempat pemeriksaan (stesen penerima dan penghantar)	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)

**PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
22.	Mewujudkan kawalan pergerakan secara elektronik pada kenderaan yang berdaftar di pulau bebas cukai yang keluar melalui penggunaan RFID.	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
23.	Memastikan <i>bay</i> pemeriksaan fizikal dilengkapi dengan CCTV dan boleh diakses oleh JKDM	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
24.	Menambah baik sistem e-VIS: <ul style="list-style-type: none"><li>- Mewujudkan <i>alert system</i> bagi kenderaan yang melebihi tempoh 90 hari</li><li>- Mengintegrasikan sistem e-VIS dengan JPJ dan PDRM</li><li>- Integrasikan dengan RFID</li></ul>	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 5 tahun (Jan 2020 – Dis 2024)
25.	Memaparkan info kastam di pintu masuk negara berhubung : <ul style="list-style-type: none"><li>- Kadar cukai</li><li>- Barangan bercukai</li><li>- Barang larangan</li><li>- Tanggungjawab pelanggan</li><li>- Hukuman</li><li>- Saluran aduan Integriti</li></ul>	Pengarah Bahagian Perkastaman  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)

A hand holding several wooden blocks, symbolizing construction or building. The image is overlaid with a blue gradient and a dark blue banner containing white text.

# **BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN**

# BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN

## STRATEGI 2 : MEMPERKASAKAN INTEGRITI DAN KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN

OBJEKTIF STRATEGIK 1: Menambahbaik Kecekapan dan Ketelusan Siasatan			
BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
26.	Mengkaji semula pemberian ganjaran di bawah Seksyen 141 Akta Kastam dan diperluaskan kepada semua pegawai	Pengarah Bahagian KPSM  Pengarah Bahagian Penguatkuasaan  Pengarah Bahagian Perundangan	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
27.	Mewujudkan bahan rujukan sebagai panduan penyelesaian kes – contoh: kompendium kes	Pengarah Bahagian Penguatkuasaan  Pengarah Bahagian Perundangan	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
28.	Mewujudkan penyiasatan secara berpasukan bagi meningkatkan kecekapan siasatan	Pengarah Bahagian Penguatkuasaan	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)
29.	Memperkasakan peranan cawangan risikan melalui penyiasatan secara <i>“intelligent driven”</i>	Pengarah Bahagian Penguatkuasaan	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)
30.	Mewujudkan cawangan siasatan dalaman melalui waran perjawatan	Pengarah Bahagian KPSM	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
31.	Memperkenalkan perintah bagi pemantauan berkala secara RTD dengan penglibatan Pegawai Penyelia, Pegawai Penyiasat, Pegawai Perundangan dan Ketua Bahagian Penguatkuasaan	Pengarah Bahagian Penguatkuasaan	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
32.	Memantapkan tatacara pelupusan barang-barang rampasan melalui pelaksanaan naziran & wujudkan panel pemerhati pelupusan melibatkan Pegawai Stor, Pegawai Penyiasat Dan Pegawai Integriti Negeri	Pengarah Bahagian Penguatkuasaan	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)

## OBJEKTIF STRATEGIK 2:

**Memastikan Penggunaan Teknologi Tinggi Bagi Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan Siasatan**

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
33.	Mengaplikasikan penggunaan teknologi dan peralatan yang lebih canggih seperti: <i>drone, body camera, spy camera, GPS tracking device</i> dan CCTV (di stor penguatkuasaan)	Pengarah Bahagian Penguatkuasaan	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
34.	Membangunkan pangkalan data berpusat (secara <i>online</i> ) untuk maklumat, pendaftaran kertas siasatan dan perkembangan siasatan kes ( <i>limited access</i> ).	Pengarah Bahagian Penguatkuasaan  Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
35.	Membangunkan Sistem Risikan berpusat berkaitan sindiket kenderaan di KUK dan PBC	Pengarah Bahagian Penguatkuasaan	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
36.	Memperkenalkan sistem e-Stor inventori di stor penguatkuasaan	Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
37.	Memperkasakan saluran aduan / maklumat bagi bahagian penguatkuasaan untuk meningkatkan kecekapan maklum balas kepada pengadu	Pengarah Bahagian Perancangan Korporat  Pengarah Bahagian Penguatkuasaan	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)





**BIDANG  
KEUTAMAAN:  
PENGURUSAN  
& PENTADBIRAN**

RESEARCH

# BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN & PENTADBIRAN

## STRATEGI 3 : MENINGKATKAN KOMPETENSI PEGAWAI DAN KETELUSAN PENTADBIRAN

### OBJEKTIF STRATEGIK 1: Memperkukuhkan Tadbir Urus Dengan Memfokuskan Kepada Pemantapan Integriti Warga

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
38.	Mengeluarkan arahan kepada semua Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon dan Pengarah Kastam Negeri termasuk AKMAL dan PCKP bagi memantau laporan kehadiran pegawai melalui naziran secara berkala.	Pengarah Bahagian KPSM	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 - Dis 2020)
39.	Memperkenalkan anugerah pegawai berintegriti tinggi dan menyumbang bakti yang tinggi	Pengarah Bahagian KPSM	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 - Dis 2020)
40.	Menguatkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja ( <i>job rotation</i> ) dan <i>job matching</i> – untuk mengelakkan <i>conflict of interest</i>	Pengarah Bahagian KPSM Pengarah Kastam Negeri	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 - Dis 2024)
41.	Memperkasakan sistem pengurusan e-Aduan	Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat Ketua Cawangan Integriti	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020- Dis 2024)

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
42.	Mewujudkan modul profiling pegawai di dalam e-Penempatan	Pengarah Bahagian KPSM Pengarah Kastam Negeri Pengarah AKMAL Ketua Cawangan Integriti	Tempoh 1 tahun (Jan 2020-Dis 2020)
43.	Mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh JPM mengenai pengendalian surat sokongan yang diterima daripada pemimpin kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang berhubung urusan kerajaan	Pengarah Bahagian KPSM Pengarah Kastam Negeri	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020-Dis 2024)
44.	Memantapkan program penyaluran maklumat melalui pelbagai saluran media	Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat Pengarah Kastam Negeri	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020-Dis 2024)
45.	Melaksanakan perancangan perolehan bagi pembelian yang berulang untuk mengelakkan <i>conflict of interest</i>	Pengarah Bahagian KPSM Pengarah Kastam Negeri	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 - Dis 2024)

**OBJEKTIF STRATEGIK 2:**

**Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti Dan Nilai-Nilai Murni**

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
46.	<p>Mengadakan Program Nilai-Nilai Murni yang memberi tumpuan kepada 5 permasalahan utama Jabatan melalui pelbagai saluran dan kaedah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketidakhadiran bertugas</li> <li>• Gangguan (seksual, khalwat dan bersekedudukan)</li> <li>• Keterhutangan kewangan yang serius</li> <li>• Tuntutan palsu</li> <li>• Rasuah dan salahguna kuasa</li> </ul>	<p>Pengarah Bahagian KPSM</p> <p>Pengarah Kastam Negeri</p> <p>Pengarah AKMAL</p> <p>Ketua Cawangan Integriti</p>	<p>Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)</p>
47.	<p>Mengadakan kursus pembangunan kerohanian / ceramah rumahtangga dan kekeluargaan</p>	<p>Pengarah Bahagian KPSM</p> <p>Pengarah Kastam Negeri</p> <p>Pengarah AKMAL</p> <p>Ketua Cawangan Integriti</p>	<p>Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)</p>

**PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
48.	Melaksanakan kursus / bengkel / motivasi – untuk meningkatkan kemahiran dan integriti melalui Modul Pengukuhan Integriti	Pengarah Bahagian KPSM Pengarah Kastam Negeri Pengarah AKMAL Ketua Cawangan Integriti	Berkuatkuasa Mulai (Jan 2020 – Dis 2020)
49.	Memperbanyakkan kursus berkaitan pengurusan kewangan individu	Pengarah Bahagian Kpsm Pengarah Kastam Negeri Pengarah AKMAL	Berkuatkuasa Mulai (Jan 2020 – Dis 2020)

**OBJEKTIF STRATEGIK 3:  
Meningkatkan Kompetensi Warga Melalui Pembangunan Modal Insan**

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
50.	Menguatkuasa pelaksanaan <i>Mentor-Mentee</i> di semua bahagian dan negeri	Pengarah Bahagian KPSM Pengarah Kastam Negeri Pengarah AKMAL	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)
51.	Pendedahan <i>On Job Training</i> (OJT) bagi pegawai lantikan baharu	Pengarah Bahagian KPSM Pengarah Kastam Negeri Pengarah AKMAL Ketua Cawangan Integriti	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)

**PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

**2020 – 2024**

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

<b>BIL</b>	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>PELAKSANA</b>	<b>TEMPOH MASA</b>
52.	Meningkatkan kekerapan kursus ilmu asas dan lanjutan dalam bidang penaksiran khususnya kepada Pegawai Penaksir	Pengarah Bahagian KPSM Pengarah Kastam Negeri Pengarah AKMAL Ketua Cawangan Integriti	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)
53.	Mengadakan latihan berterusan dari aspek kawalan sempadan, risikan dan penggunaan Alat Bantuan Operasi (ABO)	Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Pengarah Bahagian Risikan	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2020)

**KONVENSYEN INTEGRITI JKDM 2019  
14-15 NOVEMBER 2019  
SUMMIT HOTEL SUBANG USJ  
"KASTAM BERSIH"**





**BIDANG  
KEUTAMAAN:  
PERCUKAIAN  
DALAM NEGERI**

# BIDANG KEUTAMAAN : PERCUKAIAN DALAM NEGERI

## STRATEGI 4 : MENAMBAHBAIK SISTEM KERJA PERCUKAIAN DAN KETELUSAN PENGAUDITAN

OBJEKTIF STRATEGIK: Memperkemaskan Pengurusan Dan Tadbir Urus Percukaian Dan Pengauditan			
BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
54.	Memperkasakan pusat panggilan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST)	Pengarah Bahagian CDN	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)
55.	Mewujudkan ketelusan dalam pengagihan pengauditan syarikat kepada pegawai melalui sistem <i>online</i>	Pengarah Bahagian Pematuhan  Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)
56.	Mengemaskini pangkalan data pusat dan sistem pengurusan risiko	Pengarah Bahagian Pematuhan  Pengarah Kastam Zon / Negeri	Tempoh 3 tahun (Jan 2020 – Dis 2022)
57.	Melaksanakan naziran SST secara berkala	Pengarah Bahagian CDN  Pengarah Bahagian Pematuhan  Pengarah Kastam Zon/Negeri	Berkuatkuasa mulai (Jan 2020 – Dis 2024)

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA


BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
58.	Menambahbaik prosedur pengauditan melalui pengkhususan mengikut sektor	Pengarah Bahagian Pematuhan Pengarah Kastam Zon/Negeri	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)
59.	Mengkaji semula <i>reward</i> kepada pegawai audit sebagai insentif dan motivasi	Pengarah Bahagian KPSM Pengarah Kastam Negeri	Tempoh 1 tahun (Jan 2020 – Dis 2020)
60.	Mengkaji dan menambah baik SOP bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah dan salah guna kuasa	Cawangan Integriti	Berterusan

“

**Pelan Antirasuah Nasional itu hadir sebagai peringatan dan amaran kepada semua pemimpin sekarang dan masa hadapan bahawa Malaysia dan rakyatnya tidak menerima amalan rasuah dan ia satu amalan keji dan menjijikkan**

”

Tun Dr Mahathir Bin Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia







# **BAB 4 TADBIR URUS OACP**

# MEKANISME PELAKSANAAN & PEMANTAUAN

Pelaksanaan OACP JKDM hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan, warga Jabatan, Pelanggan dan *stakeholder*. Bagi memastikan pelaksanaannya bergerak seiring dengan NACP, suatu Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP JKDM hendaklah ditubuhkan seperti berikut:-

## Struktur Tadbir Urus Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi JKDM

### JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) KEMENTERIAN

Menerima Laporan prestasi OACP daripada JKDM.  
(Tertakluk kepada arahan Pengerusi JAR Kementerian)



### JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR)

(dipengerusikan oleh Ketua Pengarah)

Unit Tadbir Urus, Cawangan Integriti sebagai Sekretariat bagi menilai prestasi semasa inisiatif yang dilaksanakan melalui laporan pemantauan berkala.

- Menerima Laporan Prestasi Suku Tahun OACP daripada Cawangan Integriti
- Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan
- Mengabsahkan dasar & Membuat keputusan
- Memperakukan isu & laporan untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian jika diperlukan.



### JAWATANKUASA PELAKSANAAN & PEMANTAUAN

- Dipengerusikan oleh TKP (Pengurusan)
  - Keahlian:
    - Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia.
    - Pengarah Bahagian Perancangan Korporat.
    - Pengarah Akademi Kastam Malaysia (AKMAL)
    - *Desk officer* daripada bahagian pelaksana yang terlibat.
  - Ketua Urusetia – Ketua Cawangan Integriti
  - Urusetia – Unit Tadbir Urus, Cawangan Integriti
- 
- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif
  - Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana
  - Menyediakan laporan ringkas suku tahun dan laporan penuh pencapaian OACP
  - Memperakukan laporan prestasi OACP untuk dikemukakan kepada JAR Jabatan


## MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan OACP, semua Pengarah Ibu Pejabat, Pengarah Zon dan Pengarah Kastam Negeri dikehendaki:

1. melantik *desk officer* tetap bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan di peringkat masing-masing melalui Pegawai Integriti Negeri (PIN);
2. melaksanakan program – program berkaitan yang telah ditetapkan dan membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program – program tersebut; dan
3. mengemukakan laporan pelaksanaan masing-masing bagi setiap suku tahun kepada Unit Tadbir Urus, Cawangan Integriti JKDM Ibu Pejabat.

## MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Keutamaan penilaian merupakan amalan penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil telah memenuhi jangkaan dan matlamat OACP. Dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa dipantau dan dinilai berdasarkan mekanisme berikut:-



## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Penilaian pencapaian OACP ini akan dijalankan pada setiap dua kali setahun. Satu kajian semula OACP dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2023 untuk menentukan keberkesanan secara holistik.

Penilaian prestasi bagi setiap pelan tindakan yang telah digariskan hendaklah dibuat bagi memastikan peratus (%) pelaksanaannya mengikut perancangan dalam tempoh masa ditetapkan. Manakala, penilaian keseluruhan pencapaian OACP boleh dinilai berdasarkan petunjuk-petunjuk berikut:

### 1. MENGURANGKAN KETIRISAN HASIL PERCUKAIAN

– mencapai sasaran pungutan hasil negara tahunan

- a. *Statistik kes operasi penguatkuasaan di dalam menangani kes penyeludupan meningkat.*
- b. *Statistik hasil cukai yang dikesan daripada ketidakpatuhan pedagang / pengusaha / pengilang / penumpang berkurang.*

### 2. MENGURANGKAN SALAHLAKU INTEGRITI DI KALANGAN WARGA JKDM

– untuk berada di kedudukan ke-10 daripada kedudukan ke-4 menjelang tahun 2024 dalam Public Service Corruption Ranking (PSCR).

- a. *Statistik kes – kes tatatertib yang melibatkan warga Jabatan berkurangan.*
- b. *Bilangan aduan awam yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam dan JKDM sendiri berkurangan.*
- c. *Teguran Ketua Audit Negara mengenai JKDM semakin menurun.*

### 3. MEMUPUK KESEDARAN PEGAWAI UNTUK MELAPORKAN KESALAHAN RASUAH

– peningkatan kepada pelaporan salah laku rasuah pegawai JKDM

- a. *Pengurangan statistik kes-kes melibatkan warga Jabatan yang disiasat dan didakwa di Mahkamah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.*
- b. *Peningkatan tindakan melapor kesalahan rasuah oleh warga JKDM.*

A close-up photograph of several light-colored wooden puzzle pieces arranged to form the number '5'. The pieces are set against a solid pink background. The lighting creates soft shadows, highlighting the texture of the wood and the interlocking shapes of the puzzle pieces.

# **BAB 5 KESIMPULAN**



## KESIMPULAN

Dalam rangka menuju ke arah jabatan yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi, JKDM sentiasa komited untuk memantapkan pengukuhan integriti dan pencegahan rasuah sedia ada serta secara berterusan berusaha untuk mengusir pelaku-pelaku rasuah daripada terus berkuasa dalam Jabatan.

Rasuah yang telah menjadi api dalam organisasi haruslah segera dipadamkan melalui langkah-langkah pencegahan dan punitif yang holistik sama ada melalui penguatkuasaan undang-undang, pengukuhan integriti, pemantapan tadbir urus mahupun pengaplikasian teknologi terkini. Justeru itu, melalui Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JKDM, sebanyak 60 pelan tindakan melalui empat strategi utama bersama telah digariskan bagi menangani masalah rasuah dan salahlaku integriti yang wujud dalam JKDM.

Pengurusan Tertinggi JKDM sentiasa meletakkan usaha dan komitmen yang lebih dalam menangani gejala rasuah demi meningkatkan imej Jabatan serta melindungi hasil negara daripada diseleweng. Selaras dengan aspirasi Kerajaan iaitu menjadikan “Malaysia dikenali kerana integriti bukannya rasuah”, JKDM sebagai agensi barisan hadapan akan memastikan setiap urusan dan perkhidmatannya dilaksanakan sebaik mungkin berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan akauntabiliti.

OACP bukan sahaja menggariskan wawasan lima tahun usaha pencegahan rasuah dan pengukuhan integriti JKDM malah akan melangkaui batasan masa jangka panjang seiring dengan kehendak Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang berkaitan.

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)


2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

---

Dalam memastikan kelestarian OACP, komitmen Kerajaan dan Jabatan amat diperlukan terutamanya dari segi tindakan serta memastikan sumber daya (manusia dan kewangan) dipenuhi sebagaimana diperlukan dalam OACP.

OACP ini juga akan sentiasa dipantau dan dikaji keberkesannya dari setiap masa selaras dengan perubahan semasa domestik dan global. Oleh itu, maklum balas secara berterusan dari semua pihak amat diperlukan bagi memastikan ianya relevan dengan kehendak semasa. Secara keseluruhannya, kejayaan dan keberkesanan OACP ini amat bergantung penuh kepada komitmen dan kesepakatan keseluruhan warga JKDM, Kerajaan yang memerintah serta sistem politik semasa dalam negara. Hanya dengan kesepakatan inilah, OACP JKDM akan mencapai matlamatnya dan kekal relevan untuk generasi akan datang.



**“ Pelan Antirasuah ini akan menjadi asas dalam usaha untuk menghapuskan rasuah dan membentuk ekosistem bebas rasuah untuk generasi akan datang. Kita yakin jika berjaya dalam usaha ini, Malaysia akan memperoleh semula kedudukan yang sepatutnya ”**

Tun Dr Mahathir Bin Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia



# PENGHARGAAN

*Ucapan Terima Kasih Yang Tidak Terhingga Kepada*

## **PENAUNG**

YBHG. DATO' SERI PADDY BIN ABD HALIM

**Pengarah – Pengarah Bahagian di JKDM Dalam Meluangkan Masa dan Input Yang Dikemukakan:**

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

BAHAGIAN PERUNDANGAN

BAHAGIAN PENGURUSAN  
PEMATUHAN

BAHAGIAN PERANCANGAN  
KORPORAT

BAHAGIAN PERKASTAMAN

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK

AKADEMI KASTAM DIRAJA  
MALAYSIA (AKMAL)

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
DAN SUMBER MANUSIA

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

**Pelan Antirasuah Organisasi ini direalisasikan oleh penyertaan dan maklumbalas berterusan daripada:**

PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NASIONAL (GIACC)

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)

JABATAN AUDIT NEGARA (JAN)

# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

2020 – 2024

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

## Pasukan Sekretariat

### Penasihat

Tuan Sudirman Bin Aban

### Ketua Editor

Tuan Abdul Jalil Bin Rejab

### Pasukan Editor

Azman Bin Abdul Aziz	Muhammad Farhan Bin Izhar	Muhammad Syafiq Bin Mat Hussin@Ghani
Mohd Hazizi Bin Abdul Aziz	Mohd Razaki Bin Mohd Zin	Noradiladeeja Binti Ahmad
Mohd Hashim Bin Alias	Nor Azlizan Binti Mohd Mustama	Noor Azrul Hisham Bin Azman
Shamsiah Binti Abdul Samad	Nur Merlynda Lee Binti Jipa	Nor Azla Fazlena Binti Kamaruddin
Mohammad Nizam Bin Othman	Imran Bin Abd Rahman	Nor Hafizah Binti Hassan
Bukhari Bin Mokhtar	Muhammad Faizul Faiq Bin Muhammed Shahrin	Sariah Binti Tahir
Abd. Malek Bin Ghazali	Muhammad Hafiz Bin Keliwon	Haziah Binti Omar
Zaihairy Bin Mohd Yunus		Mohd Danial Faiq Bin Suhaimi
Kawi Anak Nyomui		

### Terima Kasih Jua Kepada Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Yang Telah Meluangkan Dan Memberikan Imput Serta Maklum Balas Yang Berharga Kepada Kami:

Norsiah Binti Abd Ghani	Mohd Zamri Bin Mohd Abdah	Nurfahana Lina Binti Jumiran
Wan Saadah Binti Mohamed Muhibbuddin	Ahmad Reza Zamhudi Bin Muhamad	Mohd Tuah Bin Mohamed
Aidid Bin Tajuddin	Norlela Binti Abu Bakar	Lim Yee Kee
Athavan A/L Subramaniam	Zarikhhan Bin Meon	Amir Hussein Bin Mohd Shariff
Mohd Nizam Bin Sungib	Norhan Bin Edinin	Adnan Bin Ariffin
Arshad Bin Mohd Nasir	Tajri Bin Ellwey	Yu Ming King
Ribuan Bin Abdullah	Jaikol @ Mohd Nazrin Bin Mekahil	Siti Hindun Binti Abdul Halim
Nor Anita Binti Yusoff	Mohd Khairul Hisyam Bin Mohd Gazali	Mohamad Husin Bin Hakim
Najmi Bin Mohd Radzi	Maizatul Akmal Bin Jemangin	Azman Bin Jimeh
Md Nazri Bin Yusuff	Khilmie Bin Ghazali	Md. Hany Bin Samid
Raja Normala Binti I.Ali	Norhaslinda Binti Ali	Zaim Bin Lokman Hakim
Safe'e Bin Awang	Aishah Binti Atan	Nurhidayah Binti Ahmad
Ganesan A/L Kothndapani	Ahmad Najmi Bin Abas	Mohd Andri Bin Jamaludin
Mohd Erwan Sahran Bin Isa	Nor Mazuwina Binti Mokhtar	Mohd Khazaidi Bin Mohd Nor
Zaidi Bin Husin	Sazali Bin Unus	Siti Miskiyatun Binti Basri
Ezdiani Ilyana Binti Mohd Dom	Mohd Anif Bin Ahmad	Wan Asmawi Bin Wan Othman
Noormad Razamusein Bin Ismail	Abdul Jabbaar Bin Abdul Rahim	Nur Adzuha Binti Adnan
Abang Hussen Bin Abang Mornie	Nur Anis Binti Md Surani	Nurhidayah Binti Ahmad
		Nor Aidillina Binti Abu Samah
		Mohd Faizal Bin Basiah

**“ Integrity is doing  
the right thing  
even when no  
one is watching ”**

C.S. Lewis

Autograf



**PELAN  
ANTIRASUAH  
ORGANISASI  
2020-2024**

Cawangan Integriti  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Kompleks Kementerian Kewangan No 3,  
Persiaran Perdana,  
Presint 2, 62596, Putrajaya